

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 10 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	10 firms probed over forest fires	New Straits Times
2	IPU di Semenanjung tunjuk perubahan positif	Berita Harian
3	UMP, BiotechCorp tawar program MBA Bioekonomi	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 10 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)**

# 10 firms probed over forest fires

**HAZE ISSUE:** They will be punished if found guilty, says Indonesian minister

**THARANYA ARUMUGAM**  
KUALA LUMPUR  
news@nst.com.my

**I**NDONESIA is investigating 10 firms over worsening forest fires that have created a blanket of smog over Southeast Asia, threatening them with sanctions if they are found responsible, a minister said on Tuesday.

The thick haze from Sumatra and Kalimantan has forced the repeated cancellation of flights in the area, and pushed air quality to unhealthy levels in Singapore and Malaysia.

Indonesian Environment Minister Siti Nurbaya Bakar said companies could face sanctions if found violating their permits.

"While the legal process is going on, in parallel, there has to be a decision or action taken on the company's permit," Reuters quoted her as saying.

Sanctions range from a written warning, a fine to revoking a firm's permit.

The heavy smoke from slash-and-burn clearances often comes from Sumatra and Kalimantan, where large forest concessions are used by

pulp and paper, and palm oil companies, some of which are listed in Singapore.

The companies blame smallholders for the fires, but they have been criticised by green groups for not doing enough to stop the haze or the rampant deforestation and destruction of carbon-rich peatlands in Indonesia.

Natural Resources and Environment Minister Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar is expected to meet his Indonesian counterpart in Jakarta next Thursday in an effort to put an end to the haze problem

in the region.

Wan Junaidi's deputy, Datuk Hamim Samuri, said the meeting would seek long-term solutions to combat the problem plaguing the nation every year.

"The haze condition in certain places in the country has worsened.

"As of 8am today (yesterday), three areas recorded unhealthy Air Pollutant Index (API) readings: Malacca City (112) and Bukit Rambai (107) in Malacca, and Nilai (103) in Negeri Sembilan," said Hamim.

An API reading of 101 to 200 is categorised as unhealthy.

"The haze blanketing Malaysia is due to the peat and forest fires in Sumatra.

"The United States' National Oceanic and Atmospheric Administration has detected 38 hot spots in Sumatra and 102 in Kalimantan.

"This is becoming a perennial issue that calls for immediate attention, hence, the minister has arranged for a meeting with his counterpart in Indonesia to reach an agreement to mitigate the problem," he said after opening the 26th Meeting of the ASEAN Senior Officials on the Environment and Related Meet-

ings here yesterday.

Hamim said the ASEAN haze-free regional agenda would soon be achieved following the full ratification of the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution.

"Transboundary haze pollution remains one of the most persistent and challenging issues for ASEAN and its community.

"We must, therefore, find concrete solutions and maintain our momentum in tackling the issue."

Hamim also said the ministry was monitoring the situation, and if it worsened, they would discuss with the Science, Technology, and Innovation Ministry to carry out cloud seeding in critical areas.

Social activist Tan Sri Lee Lam Thye hoped the meeting between the ministers would lay out the immediate short-, mid- and long-term measures to resolve the issue.

"I hope the present economic problem in Indonesia will not jeopardise their efforts to set aside more funds to deal with the issue of open burning and forest fires."

Lee said with Indonesia on board — the last country to do so — the ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution had been ratified by all the member states.

"What matters most is the follow-up actions by Indonesian authorities to deal with the haze."

As of 5pm yesterday, three areas in Sarawak recorded unhealthy air readings: Samarahan (113), Sri Aman (105) and Kuching (103).



A boatman plies along the Sungai Sarawak despite reduced visibility. Kuching recorded a moderate Air Pollutant Index reading of 84 at 11am yesterday. Pic by Che Rani Che Din

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 14**  
**TARIKH: 10 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)**

# IPU di Semenanjung tunjuk perubahan positif

**Kuala Lumpur:** Kualiti udara di Semenanjung menunjukkan perubahan positif semalam, berbanding kelmarin, apabila beberapa kawasan yang mencatatkan Indeks Pencemaran Udara (IPU) tidak sihat pada sebelah pagi, bertukar sederhana menjelang petang.

Pada sebelah pagi, IPU di Bandaraya Melaka pada 109 dan Bukit Rambai 101, manakala di Negeri Sembilan, IPU di Nilai mencatatkan 103 dan Muar 109 di Johor. Semua bacaan di kawasan itu bertukar sederhana mulai jam 12 tengah hari.

Namun, keadaan berbeza di Sarawak apabila sehingga jam 5 petang semalam, tiga kawasan mencatatkan bacaan tidak sihat iaitu Kuching (103), Samarahan (113) dan Sri Aman (105).

IPU di antara sifar hingga 50 dikategorikan baik; 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (amat tidak

sihat) dan lebih 301 (berbahaya). Jurucakap Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) berkata, pengurangan kadar jerebu di Semenanjung berlaku disebabkan hujan kelmarin dan pagi semalam.

Bagaimanapun, katanya, ada beberapa faktor yang boleh kembali mencetuskan jerebu seperti arah angin yang masih bertup dari arah Barat Daya, selain jumlah titik panas di Sumatera.

#### Hujan diramal berterusan

"Jabatan meramalkan hujan pada sebelah pagi bagi kawasan Semenanjung akan berterusan dan diharap keadaan itu akan dapat mengurangkan jerebu."

"Bagaimanapun, Sarawak tidak menerima hujan, selain masih menerima kesan titik panas yang banyak di Kalimantan, sekali gus tidak membantu mengurangkan kesan jerebu di sana," katanya.


Pengarah Jabatan Bomba dan

Penyelamat Sarawak, Nor Hisham Mohamad, berkata pihaknya kini mengambil langkah berjaga-jaga berikutan kewujudan banyak titik panas di Kalimantan, yang berpunca daripada aktiviti pembakaran terbuka bagi tujuan perlادangan.

Katanya, perkembangan itu memburukkan lagi keadaan jerebu di beberapa bandar utama di Sarawak, termasuk Kuching, sejak beberapa hari lalu, walau-pun pembakaran terbuka di negeri itu terkawal dan hanya dua kes kebakaran hutan berlaku sepanjang minggu lalu.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Abdul Malek Tusin, berkata walaupun bacaan IPU di negeri itu mencatatkan tahap sederhana sehingga petang semalam, dengan sekitar Tawar mencatatkan jarak penglihatan kira-kira lima kilometer.

"Kita menjangkakan ia bertambah teruk dalam beberapa hari



Keadaan di sekitar bandaraya Melaka mencatatkan IPU sederhana iaitu 90 setakat jam 4 petang semalam. [FOTO KHAIRUNISH LOKMAN/BH]

ini susulan jerebu yang semakin buruk di Sarawak, Labuan dan Brunei," katanya.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Melaka, Shafe'e Yasin, berkata jerebu sejak tiga hari lalu

pulih semalam, susulan hujan lebat selama tiga jam sehingga 12 tengah hari semalam, menyebabkan habuk terampai dalam udara berkurangan, sekali gus membantu penurunan IPU di sini.

# KERATAN AKHBAR

## BERITA HARIAN (VARSITI): MUKA SURAT V18

### TARIKH : 10 SEPTEMBER 2015 (KHAMIS)



#### INFO

Pelajar Perempuan - 2,668  
Pelajar Lelaki - 1,122

#### TAWARAN PROGRAM PENGAJIAN DENGAN PNGK MASUK 4.00

- ◎ Bacelor Ekonomi - 40 pelajar
- ◎ Bacelor Perakaunan - 45 pelajar
- ◎ Bacelor Kejuruteraan (Kimia) - 35 pelajar
- ◎ Bacelor Doktor Perubatan Veterinar - 50 pelajar
- ◎ Bacelor Sains (Bioperubatan) - 50 pelajar
- ◎ Bacelor Pentadbiran Perniagaan - 20 pelajar
- ◎ Bacelor Sastera (Bahasa Asing) Pengkhusus Bahasa Arab - 10 pelajar
- ◎ Bacelor Sains Major Fizik - Seorang pelajar

Pelancaran MBA Lounge di UMP Gambang oleh Prof Daing Nasir yang mana kemudahan itu **khusus untuk pelajar jurusan MBA berdiskusi, menjana dan berkongsi idea melalui perbincangan intelektual.**



Prof Dr Daing Nasir

## UMP, BiotechCorp tawar program MBA Bioekonomi

Oleh Mimi Rabita  
Abdul Wahid  
bhvarsiti@bh.com.my

Gambang

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus mengorak langkah dengan menawarkan program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) secara luar kampus menerusi kerjasama dengan Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp).

Program bakal dijalankan di Menara Atlan, Kuala Lumpur itu sejajar usaha UMP untuk mempelbagaikan kaedah penawaran program akademik terutamanya peringkat sarjana sekali gus membuka peluang kepada mereka yang berhasrat untuk menyambung pengajian dalam bidang berkaitan.

Naih Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata program itu bakal melahirkan graduan dalam bidang pengurusan pentadbiran bioteknologi untuk memenuhi keperluan sektor bioteknologi.

Katanya, unjuran seramai 160,000 tenaga kerja diperlukan dalam bidang itu menjelang tahun 2020 terutama untuk memenuhi pembangunan industri bioteknologi negara.

BiotechCorp mempunyai sedekad pengalaman memimpin industri bermula daripada peringkat pembangunan kapasiti hingga pengkomersialan dan seterusnya perniagaan global.

“BiotechCorp turut mempunyai jaringan industri yang

luas dan mantap serta akan membawa impak bermanfaat untuk pendidikan bioteknologi dan pembangunan modal insan,” katanya.

#### 15 subjek

Prof Daing Nasir berkata, program yang mengambil tempoh minimum empat semester dan maksimum lapan semester itu membebaskan pembelajaran 15 subjek iaitu 10 subjek teras dan lima subjek elektif.

Katanya, penawaran kursus teras merangkumi aspek perniagaan, pengurusan dan kepemimpinan termasuk Pengurusan Ekonomi, Pengurusan Operasi, Keusahawanan, Pengurusan Strategik, Pemasaran Strate-

gik, Pengurusan Kewangan, Kepemimpinan Strategik dan Transformasi Perniagaan.

Beliau berkata, kluster bioteknologi pula merangkumi subjek Isu Kontemporari dalam Ekonomi Besar, Rantauan Bekalan dalam Perniagaan Bio, Inovasi Perniagaan Bio Antarabangsa, Pengurusan Projek dalam Perniagaan Bio, Pembangunan Produk dan Pengkomersialan.

“Syarat kemasukan program ini ialah memiliki ijazah Sarjana Muda dengan purata nilai greed terkumpul (CGPA) minimum 2.50 atau kelayakan setara yang diiktiraf oleh senat.

“Calon yang memiliki ijazah Sarjana Muda dengan CGPA kurang daripada 2.50

juga layak dipertimbangkan dengan syarat memiliki lima tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan.”

Beliau berkata, ketika ini, UMP mempunyai lebih 60 pelajar yang sedang mengikuti program MBA di Fakulti Pengurusan Industri (FPI) bagi meningkatkan kemahiran profesional dalam menguruskan organisasi.

Katanya, program yang menekankan aspek pengetahuan dalam perniagaan dan kejuruteraan itu mempunyai dua bidang ilmu yang kelayakan setara yang diiktiraf oleh senat.

“Uniknya program UMP ini direka bentuk bagi memenuhi keperluan indust-

ri, sehubungan dengan itu,

berkaitan sasaran pasaran terutama yang berasaskan kejuruteraan dan teknologi.

“Pelajar MBA ini juga berpeluang untuk berdiskusi, menjana dan berkongsi idea melalui perbincangan intelektual di ruangan khas MBA Lounge yang terletak di UMP Gambang,” katanya.

#### Daya saing ekonomi

Prof Daing Nasir, berkata bagi meningkatkan daya saing ekonomi, produktiviti kakitangan perlu ditingkatkan menerusi penggunaan tenaga kerja secara cepat, peningkatan kemahiran dan pengetahuan serta keupayaan pengurusan di semua sektor ekonomi.

Sehubungan dengan itu, katanya, pelaksanaan pro-

gram sarjana pentadbiran perniagaan secara luar kampus sudah pasti akan membantu dan menyumbang ke arah peningkatan daya saing ekonomi negara.

“Unjuran Kementerian Pendidikan Tinggi menunjukkan kemasukan pelajar peringkat ijazah pertama di universiti awam akan mencecah 434,700 menjelang 2020.

“Pertambahan graduan praswazah ini memerlukan peningkatan peluang untuk mereka melanjutkan tahap pengajian ke peringkat tertinggi,” katanya.

Kerjasama BiotechCorp dengan UMP dalam menjayakan pengajian luar kampus itu antara inisiatif bagi memastikan peningkatan berterusan iaitu pengurusan pengetahuan industri bioteknologi dan perkongsian pengetahuan di Malaysia.

Dengan menjangkakan peningkatan keperluan industri dan selaras memasuki Fasa Dua Dasar Bioteknologi Kebangsaan - Sains ke Perniagaan, BiotechCorp turut menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat bagi memungkin pertumbuhan sektor bioteknologi dan mempercepatkan fasa pengkomersialan.

Pertanyaan mengenai program MBA Bioekonomi, hubungi Bahagian Akademik UMP Advanced Education (UAE) di 09-5493376 atau e-mel [info@ump-ae.com.my](mailto:info@ump-ae.com.my) serta layari [www.ump.edu.my](http://www.ump.edu.my).



UMP yang menawarkan program akademik berteraskan teknologi dan kejuruteraan turut menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dalam memenuhi pasaran pekerjaan.